

## **PELAKSANAAN PENGAJARAN PENULISAN DALAM KALANGAN GURU-GURU PRASEKOLAH**

Siti Iwana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub, Zamri Mahamod  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Kualiti guru merupakan salah satu daripada empat sub-NKRA, iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Peningkatan tahap kemahiran guru dalam pengajaran diharapkan dapat melahirkan hasil pembelajaran yang berkesan, terutamanya dalam penulisan. Kajian awal ini diadakan untuk meneroka strategi pengajaran penulisan dalam kalangan guru prasekolah dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Responden kajian terdiri daripada 65 orang guru prasekolah dari Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Seramai sebelas orang guru terlibat dalam pemerhatian dan temu bual. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan bagi mengenal pasti permasalahan dan strategi yang digunakan oleh guru-guru prasekolah. Manakala analisis tematik pula bagi daptan melalui pemerhatian dan temu bual. Instrumen yang digunakan ialah borang pemerhatian dan senarai semak. Dapatkan data kualitatif telah menjalani proses triangulasi bersama-sama daptan data dari kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan dua tema utama iaitu strategi pengajaran dan masalah pengajaran. Dapatkan kajian menunjukkan guru prasekolah kerap menggunakan aktiviti menyalin, latih tubi dan soal jawab sebagai aktiviti utama dalam strategi pengajaran penulisan. Hal ini membuktikan guru-guru prasekolah tidak mempunyai pendekatan khas dalam pengajaran penulisan. Mereka terlalu terikat dengan keperluan belajar membaca. Situasi ini boleh mewujudkan ketidakseimbangan dalam literasi bahasa di peringkat prasekolah. Oleh itu, penyelidik menyarankan pendekatan penulisan interaktif sebagai strategi pengajaran penulisan yang sesuai dengan amalan perkembangan murid-murid prasekolah.

#### **Kata kunci:**

masalah pengajaran penulisan; strategi pengajaran

**THE IMPLEMENTATION OF TEACHING WRITING AMONG PRESCHOOL TEACHERS**

## **ABSTRACT**

*Teachers' quality is one of the four sub-National Key Result Area (NKRA) which is to expand the access to quality and affordable education. Enhancements of teacher's skills in teaching are expected to produce effective learning outcomes, especially in writing. This preliminary study was conducted to explore the strategies used in teaching writing among preschool teachers and to identify the problems faced by the teachers. The respondents consist of 65 preschool teachers from Selangor. This study used qualitative and quantitative methods through surveys, observations and interviews. A total of 11 preschool teachers were involved in the observations and interviews. Frequencies and thematic analysis were used to identify the problems and strategies faced by the teachers. The instruments used were observation forms and checklists. The qualitative findings were triangulated with the findings from quantitative data. The results show that copying, drills and questions were often used by the preschool teachers as writing strategies. This proves that the preschool teachers did not have any specific approach in teaching writing. They were constrained by the need of learning to read. This situation can cause an imbalance in the level of literacy in preschool. Therefore, these findings suggest interactive writing approach as a strategy in teaching writing based on developmentally appropriate practice.*

**Keywords:**  
*teaching problems; teaching strategies*

## **PENGENALAN**

Pencapaian murid dalam penulisan dapat ditingkatkan sekiranya kemahiran pengajaran guru adalah pelbagai. Ini kerana tahap pengajaran guru yang berkualiti dapat melahirkan hasil pembelajaran yang berkesan. Abdul Rasid (2011) memberi pendapat yang sama bahawa pembelajaran penulisan memerlukan guru yang berpengetahuan dalam pengajaran penulisan kerana proses penulisan memerlukan murid-murid berfikir secara mendalam. Berdasarkan Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 (2012b), kualiti guru merupakan salah satu faktor yang diberi tumpuan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2012a) melaporkan, hanya 12% daripada 125 pemerhatian pengajaran telah melaksanakan amalan pengajaran terbaik manakala 50% pula menunjukkan pengajaran yang disampaikan adalah tidak memuaskan. Ini kerana pengajaran yang disampaikan oleh guru adalah tidak menarik dan pasif. Cara penyampaian pengajaran guru juga lebih berbentuk syaranan. Guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran dan meningkatkan kemahiran pedagogi yang sedia ada untuk memastikan pengetahuan atau kemahiran dapat disampaikan kepada murid-murid.

Kajian yang telah dijalankan oleh Faridah, Nooreiny & Raja Mohd Fauzi (2001) dan Che Zanariah & Fadzillah (2011) menunjukkan strategi pengajaran yang efektif mempengaruhi pencapaian murid-murid dalam penulisan. Murid-murid pencapaian rendah memerlukan bimbingan guru untuk mempertingkatkan kemahiran penulisan kerana mereka sukar memahami penulisan Bahasa Malaysia. Ini kerana pengajaran guru yang tidak pelbagai menyebabkan murid-murid kurang bersedia untuk menulis. Guru perlu menyediakan pengajaran yang diperlukan oleh murid ke arah pencapaian pembelajaran yang optimum. Pembelajaran yang berkesan berhasil daripada pengajaran yang afektif jika guru kreatif dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai serta tepat dengan isi kandungan yang hendak disampaikan kepada murid (Noriaty, Boon & Sharifah Fakhriah, 2009; Sharifah & Aliza, 2011; Abdul Rasid, Shamsudin & Humaizah, 2012).

## PENGAJARAN PENULISAN

Pengajaran penulisan adalah satu keadaan yang berstruktur di mana kanak-kanak dibimbing melalui langkah-langkah penulisan yang betul (Olness, 2005). Guru mempunyai tugas yang kompleks dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyediakan peluang-peluang penerokaan semasa pembelajaran penulisan (Mack, 2012). Galbraith, D & Rijlaarsdam, G (1999) mencadangkan agar pengajaran penulisan lebih melibatkan murid-murid dalam aktiviti penulisan dan tidak berpusatkan kepada guru sahaja. Murid-murid perlu diberikan peluang untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kemahiran membaca seperti ciri-ciri teks dan pembentukan suku kata ke dalam bentuk tulisan. Penyelidik berpendapat keseimbangan dalam pembelajaran literasi bahasa berlaku sekiranya guru memberi tumpuan pengajaran yang sama seperti tumpuan pengajaran membaca kerana menulis dan membaca adalah saling berkaitan.

Penulisan adalah satu proses yang kompleks kepada kanak-kanak dan mereka memerlukan bimbingan orang dewasa untuk menyokong pemerolehan penulisan (Vygotsky, 1978; Mccarrier, Pinnell, & Fountas, 2000). Selain daripada membantu pengajaran membaca, penulisan juga berperanan membantu membina kesedaran literasi murid-murid (Clay, 1991; Mahzan, 2012). Penulisan juga memerlukan pelbagai jenis kemahiran dan penyelaras yang sama seperti yang diperlukan oleh kemahiran membaca (Ferreiro & Teberosky, 1982; Dyson & Freedman, 1991). Abdul Rasid (2011) berpendapat, pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran menulis dan membaca dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu dan mata pelajaran yang lain.

Oleh sebab penulisan melibatkan interaksi antara guru dan murid-murid, guru perlu memahami aspek perkembangan mereka dengan lebih mendalam. Strategi atau amalan pengajaran perlu sesuai dengan tahap dan keperluan perkembangan murid-murid. Guru perlu mewujudkan pengalaman yang menyeronokkan kepada murid-murid seperti yang terkandung dalam kurikulum standard prasekolah kebangsaan (2010). Ini kerana, tahap kesediaan murid-murid sebelum memasuki alam persekolahan formal banyak bergantung pada pengalaman semasa di prasekolah. Pengalaman ini adalah hasil daripada guru yang melaksanakan kurikulum dan kurikulum berkenaan (Awang Salleh & Zamri, 2006).

## **KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN**

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 (KSPK) berasaskan standard, berbentuk modular dan melibatkan enam tunjang (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Namun, kajian ini hanya melibatkan kemahiran bahasa dalam tunjang komunikasi Bahasa Malaysia yang memfokuskan kemahiran menulis. Ini kerana kemahiran menulis antara kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid-murid prasekolah dalam literasi 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Standard pembelajaran kemahiran menulis yang perlu dikuasai oleh murid-murid berumur  $5^+$  tahun pada akhir tahun sesi pembelajaran ialah menulis huruf kecil dengan cara yang betul (BM 4.2.4), menulis huruf besar mengikut cara yang betul (BM 4.2.5), menyalin perkataan dengan cara yang betul secara bebas (BM 4.2.6) dan menyalin ayat dengan cara yang betul (BM 4.2.7). Standard Pembelajaran merupakan satu indikator pencapaian berbentuk objektif tingkah laku untuk memastikan pencapaian pada setiap standard kandungan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Aktiviti

pembelajaran yang berlaku di peringkat prasekolah melibatkan komunikasi atau interaksi antara guru-murid atau murid-murid. Aktiviti ini merupakan proses sosial yang digunakan sebagai kaedah untuk menyampaikan ilmu, pengalaman dan pemikiran kepada murid-murid melalui penggunaan bahasa (Kamarul Azman, 2013). Menurut Vygotsky (1978), kanak-kanak memerlukan orang dewasa atau orang yang lebih cekap untuk membantu mereka menguasai kemahiran yang baru. Oleh itu, kajian ini ingin melihat pelaksanaan pengajaran penulisan yang dijalankan di prasekolah.

## PENYATAAN MASALAH

### **Tiada Strategi Pengajaran Penulisan di Peringkat Prasekolah**

Berdasarkan kajian-kajian lepas dalam negara, kajian berkaitan kemahiran menulis adalah terhad. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada masalah membaca, kognitif, sosio-emosi dan kesediaan murid-murid prasekolah. Penyelidik berpendapat kajian terhadap mengenal pasti strategi pengajaran penulisan perlu dijalankan kerana menulis adalah sama penting dengan membaca seperti yang telah ditekankan dalam kurikulum standard prasekolah iaitu penguasaan literasi 4M (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Kajian oleh Sharifah Nor dan Aliza (2011) mendapati, guru perlu mempunyai pengetahuan terhadap strategi atau pendekatan berdasarkan fitrah murid-murid. Fitrah murid-murid perlu diketahui oleh guru supaya segala hasil pembelajaran dapat dicapai dengan cemerlang. Menurut Rohaty (2000), guru-guru prasekolah tidak boleh menggunakan kaedah pengajaran yang sama bagi setiap murid-murid. Ini kerana setiap daripada murid-murid prasekolah mempunyai pelbagai kebolehan dan tahap pembelajaran serta perbezaan latar belakang sosioekonomi. Zamri (2012) berpendapat, guru perlu menggabungkan beberapa kaedah pengajaran sebagai strategi pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran yang memenuhi keperluan dan kepelbagaiannya kebolehan murid-murid. Zamri, Nik Mohd Rahimi & Juliawati (2009) menegaskan bahawa keberkesanannya sesuatu sesi pengajaran adalah bergantung pada sejauh mana guru-guru berjaya mencapai objektif pengajaran dalam membantu murid-murid belajar apa yang telah diajar.

## Aktiviti Penulisan yang Terhad dan Tidak Pelbagai

Aktiviti menyalin merupakan aktiviti menulis yang paling kerap dijalankan di kelas-kelas prasekolah (Azizan, 1989; Jordan, 2009; Williams, 2010). Hal ini membuktikan guru-guru prasekolah tidak mempunyai pendekatan khas atau strategi dalam pengajaran penulisan. Mereka terlalu terikat dengan keperluan belajar membaca. Situasi ini boleh mewujudkan ketidakseimbangan dalam literasi di peringkat prasekolah. Ketidakseimbangan antara kemahiran membaca dan menulis menyebabkan penulisan terpinggir dan murid gagal menguasai kemahiran menulis dengan baik (Zulkifley, 2005). Pengkaji-pengkaji terkemuka dalam penulisan kanak-kanak seperti Clay (1975), Ferreiro & Teberosky (1982), Calkins (1986) dan kajian-kajian lepas yang berkaitan seperti Schnoor (2004) dan Howell (2008) mendapati, literasi kanak-kanak hanya boleh dipertingkatkan apabila diberi peluang untuk menulis dengan menjadikan proses penulisan sebagai aktiviti yang bermakna dan terancang seawal di prasekolah.

Kekerapan murid-murid prasekolah melakukan aktiviti menyalin mengurangkan peluang mereka untuk menunjukkan apa yang telah diketahui tentang menulis. Ini menyebabkan murid-murid prasekolah kehilangan peluang untuk menilai kebolehan mereka untuk menulis. Keadaan ini menunjukkan guru mementingkan produk dan bukannya proses pembelajaran penulisan. Penyelidik mendapati adanya keperluan mengenal pasti aktiviti penulisan yang disediakan oleh guru kerana aktiviti penulisan yang disediakan oleh guru antara faktor utama yang boleh mempengaruhi pembelajaran murid-murid prasekolah dalam penulisan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini diadakan untuk meneroka amalan pengajaran penulisan dalam kalangan guru prasekolah dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pengajaran penulisan dan masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah serta meneroka pengajaran penulisan Bahasa Malaysia di prasekolah. Berdasarkan Penyataan masalah kajian serta objektif kajian yang dinyatakan, kajian ini bertujuan mencari jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:

- 1) Apakah strategi pengajaran penulisan yang dijalankan oleh guru di prasekolah?
- 2) Apakah masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran penulisan?

- 3) Bagaimanakah guru prasekolah menjalankan pengajaran penulisan di prasekolah?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Bagi kaedah kuantitatif, tinjauan menggunakan soal selidik telah digunakan untuk mengutip data. Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A: Latar belakang responden, Bahagian B: pengetahuan guru mengenai penulisan, Bahagian C: Amalan pengajaran dan persekitaran dalam bilik darjah serta Bahagian D: Strategi dan masalah dalam pengajaran penulisan. Penyelidik menggunakan skala Likert untuk kajian ini, iaitu skala 1: sangat tidak setuju, skala 2: tidak setuju, skala 3: kurang setuju, skala 4: setuju dan skala 5: untuk sangat setuju. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan bagi mengenal pasti permasalahan dan strategi yang digunakan oleh guru-guru prasekolah.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam kajian telah dijalankan untuk mendapatkan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kedua-dua kesahan ini telah disemak oleh pakar bahasa dan pakar bidang. Kajian ini telah menggunakan nilai Alpha Cronbach bagi mendapatkan kebolehpercayaan item soal selidik. Nilai *Alpha Cronbach* bagi item soal selidik ialah 0.64. Menurut Pallant (2001), Gliem & Gleim (2003), Slaughter, V. (2010) dan Zainudin & Nor Hidayatul Aini (2011), nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.60 adalah diterima dan boleh diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen.

Responden kajian ini terdiri daripada 65 orang guru-guru prasekolah dalam Negeri Selangor. Penyelidik juga menjalankan pemerhatian dan temu bual di 11 buah kelas prasekolah di empat daerah dalam Negeri Selangor. Pemerhatian pengajaran dan temu bual telah dijalankan di sebelas buah prasekolah di empat daerah dalam Negeri Selangor. Seramai 11 orang guru prasekolah telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah dan Pihak Pentadbiran Sekolah yang terlibat. Perbincangan telah diadakan bersama dengan guru-guru prasekolah yang terlibat untuk menetapkan tarikh pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian telah dijalankan pada waktu pengajaran tunjang komunikasi Bahasa Malaysia.

Pemerhatian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia telah dijalankan selama 20 minit. Pemerhatian hanya menumpukan sesi pengajaran dan pembelajaran yang bermula daripada set induksi, perkembangan dan sesi penutup. Manakala temu bual guru-guru prasekolah telah dijalankan selepas tamat sesi persekolahan iaitu pada hari yang sama pemerhatian dijalankan. Tujuan pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan data permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah dalam pengajaran penulisan Bahasa Malaysia. Borang pemerhatian pengajaran guru Bahasa Malaysia telah digunakan di sepanjang pemerhatian. Pemerhatian juga telah dirakam menggunakan video. Senarai semak pengajaran penulisan Bahasa Malaysia telah digunakan semasa temu bual dijalankan oleh penyelidik. Data kajian yang telah diperoleh daripada pemerhatian dan temu bual kemudiannya telah dianalisis secara tematik dan telah ditriangulasikan bersama dapatan dari soal selidik.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Strategi Pengajaran Guru**

Hasil triangulasi dari dua sumber dapatkan data mendapati dua tema utama yang wujud dari kajian iaitu strategi pengajaran guru dan masalah dalam pengajaran guru. Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian, huraihan dapatan diterangkan mengikut tema-tema. Dapatkan kajian mendapati guru-guru tidak mempunyai strategi atau pendekatan khas dalam mengajar penulisan. Ini kerana kurangnya pengetahuan guru terhadap pengajaran penulisan. Teknik latih tubi merupakan teknik yang paling kerap digunakan oleh guru-guru prasekolah iaitu seramai 14 orang atau 21.5%. Kebanyakan guru prasekolah berpendapat teknik latih tubi digunakan sebagai penekanan dalam penulisan kerana tempoh masa pengajaran yang singkat yang juga disenaraikan oleh guru-guru sebagai salah satu masalah dalam pengajaran penulisan. Seramai tujuh orang atau 10.8% guru prasekolah masing-masing menggunakan teknik bercerita dan nyanyian dalam pengajaran menulis. Berdasarkan temu bual bersama-sama dengan guru-guru prasekolah, teknik soal jawab, bercerita dan menyanyi kerap digunakan oleh mereka kerana teknik-teknik tersebut mudah disediakan selain dapat menarik minat murid-murid. Manakala hanya empat orang guru atau 6.1% pula menggunakan teknik tunjuk cara dalam pengajaran penulisan.

Majoriti daripada guru-guru berpendapat bahawa menulis ialah menguasai kemahiran mekanis dan perlu diajar secara berasingan daripada

kemahiran literasi yang lain. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati hanya 2 guru daripada 11 orang guru telah mengajar kemahiran menulis bersama-sama dengan kemahiran membaca, iaitu sambil menulis mereka membaca. Manakala sembilan orang guru lagi mengajar membaca dahulu dan baru menulis. Murid-murid juga tidak dibenarkan berbual semasa menulis. Kedua-dua Penyataan ini menunjukkan bahawa guru masih lagi kurang memahami konsep literasi bahasa dalam pengajaran penulisan. Kemahiran literasi tidak boleh diajar secara terpisah kerana boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam literasi. Kemahiran menulis perlu diajar bersama dengan kemahiran membaca kerana setiap aktiviti adalah saling berkaitan (Mahzan, 2012).

Dapatkan pemerhatian mendapati guru-guru kurang berinteraksi dengan murid-murid. Murid-murid juga tidak dibenarkan untuk bercakap. Kedudukan guru kelihatan berada jauh daripada murid-murid semasa aktiviti menulis berlangsung. Dapatkan ini bersamaan dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan seramai lima orang guru tidak menggalakkan murid-murid berbincang semasa menulis dan 13 orang guru atau 20% pula meminta murid menulis dengan senyap. Semasa ditemu bual, guru-guru telah menyatakan bahawa berbual hanya melambatkan murid-murid menulis. Ini kerana seramai 35 orang guru atau 53.8% bersetuju bahawa menulis merupakan kemahiran paling sukar dalam pengajaran bahasa. Ini dapat dilihat semasa pemerhatian iaitu guru-guru hanya menggunakan aktiviti menulis sebagai latihan selepas aktiviti membaca. Situasi ini bertentangan dengan teori Vygotsky (1978) yang menekankan pengaruh persekitaran sosial dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak. Ini kerana bahasa merupakan alat utama interaksi yang bertindak sebagai penyampai maklumat. Menurut Vygotsky (1978), bahasa ialah alat untuk berfikir bagi manusia .

Pemilihan aktiviti yang digunakan dalam mengajar menulis juga mempengaruhi strategi pengajaran guru. Aktiviti menulis yang dijalankan adalah tidak pelbagai. Seramai 59 orang atau 90.7% guru prasekolah setuju bahawa aktiviti menyalin merupakan aktiviti paling kerap dijalankan sebagai aktiviti menulis. Manakala seramai 35 orang atau 54% bersetuju bahawa aktiviti menulis perlu selaras bagi setiap kanak-kanak tanpa mengira tahap kebolehan. Situasi yang wujud ini adalah tidak selari dengan amalan bersesuaian dengan perkembangan seperti yang dinyatakan dalam Kurikulum Standard Prasekolah 2010 iaitu pendekatan dan kandungan pembelajaran perlulah mengambil kira perbezaan individu manakala aktiviti yang disediakan pula perlulah berdasarkan kepada pengalaman yang menyuburkan (*enriching*), penglibatan aktif (*engaging*), selamat (*safe*) dan menyeronokkan (*fun*) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

**Jadual 1:**  
**Aktiviti menulis yang kerap dijalankan di prasekolah**

Bil	Aktiviti	Kekerapan n=65	Peratus (%)
1	Menyambung titik	18	28
2	Mengeja	15	23
3	Menyusun semula perkataan	11	17
4	Menamakan gambar	8	12.3
5	Membina ayat tunggal berdasarkan gambar	6	9
6	Melengkapkan suku kata	3	4.6
7	Menulis di udara	3	4.6
8	Memadangkan huruf dengan perkataan	1	1.5

Berdasarkan aktiviti menulis yang telah disenaraikan oleh 65 orang guru prasekolah, seramai 18(28%) orang guru telah mengatakan menyambung titik-titik merupakan aktiviti menulis yang paling kerap dijalankan selain mengisi tempat kosong dan menyalin semula perkataan. Manakala mengeja bersama guru merupakan aktiviti kedua paling kerap dijalankan iaitu seramai 15(23%) orang diikuti dengan aktiviti menyusun semula perkataan yang telah dibaca bersama guru seramai 11(17%) orang. Aktiviti keempat yang paling kerap digunakan oleh guru prasekolah ialah aktiviti menamakan gambar iaitu seramai 8(12.3%) orang. Seramai 6(9%) orang guru pula telah menyenaraikan aktiviti membina ayat tunggal berdasarkan gambar sebagai aktiviti kelima paling kerap digunakan oleh guru prasekolah. Melengkapkan suku kata dan menulis di udara merupakan aktiviti keenam paling kerap digunakan dengan masing-masing telah disenaraikan oleh 3 (4.6%) orang guru prasekolah. Berdasarkan temu bual bersama guru-guru prasekolah, aktiviti menyalin dijalankan pada penggal kedua persekolahan. Aktiviti ini dijalankan setelah murid-murid lancar membaca. Ini kerana guru-guru prasekolah berpendapat murid-murid prasekolah masih belum boleh untuk membina ayat, maka aktiviti menggabung suku kata menjadi pilihan pengajaran dan pembelajaran menulis.

Penyelidik berpendapat, walaupun Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 (KSPK) meletakkan standard pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid-murid ialah menyalin ayat dengan cara yang betul, guru perlu memberi peluang kepada murid-murid untuk menulis sebagaimana

yang ditekan oleh Watanabe dan Hall-Kenyon (2011). Dapatan kajian kes yang dijalankan oleh Watanabe dan Hall-Kenyon (2011) mendapati apabila murid-murid diberi peluang dan bimbingan untuk menulis, kemahiran menulis mereka akan meningkat. Peningkatan ini adalah dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu: a) jumlah bilangan perkataan yang dihasilkan, b) penggunaan elemen mendengar cerita oleh guru atau membaca teks cerita dan c) pengetahuan terhadap penggunaan tiga jenis teks. Perkembangan penulisan memainkan peranan yang penting dalam pertambahan jumlah perbendaharaan kata yang dihasilkan oleh murid-murid. Sungguhpun terdapat pelbagai tahap kebolehan dalam menulis, apabila tahap kebolehan menulis murid-murid meningkat, mereka akan mampu menghasilkan teks yang lebih panjang.

### **Masalah Guru dalam Pengajaran Penulisan**

**Jadual 2:**  
**Masalah guru dalam pengajaran penulisan di prasekolah**

Bil	Masalah Guru	Kekerapan n=65	Peratus (%)
1	Murid baru menguasai mekanis	17	26. 1
2	Murid kurang tumpuan	12	18.4
3	Murid menulis huruf terbalik	10	15.4
4	Murid lambat menulis dan perlu bimbingan guru	9	13.8
5	Tempoh masa pengajaran singkat	5	7.7
6	Murid belum bersedia menulis & kesedaran literasi	4	6.2
7	Kebolehan murid berbeza	4	6.2
8	Murid tiada keyakinan	4	6.2

Masalah guru dalam pengajaran penulisan mereka tema kedua daripada hasil kajian. Semasa kajian ini dijalankan, seramai 65 orang guru prasekolah telah diminta untuk menyenaraikan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pengajaran penulisan. Seramai 17 (26.1%) orang guru mengatakan masalah yang dihadapi oleh mereka semasa pengajaran penulisan ialah murid-murid baru menguasai kemahiran mekanis. Ini kerana kemahiran mekanis melibatkan kemahiran motor kasar dan motor halus. Penguasaan kemahiran motor ini membantu murid-murid untuk menghasilkan tulisan yang kemas (Longcamp, Zerbato-Poudy, Velay, 2005;

Vinter, A. & Chartrel, E., 2010). Kelewatan menguasai kemahiran motor kasar dan motor halus telah menyukarkan dan melambatkan guru-guru untuk mengajar penulisan. Ini kerana mereka masih mempunyai murid-murid yang lemah dalam kemahiran menggenggam pensel. Membentuk dan menulis huruf mengikut huruf besar atau kecil juga merupakan masalah yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah. Guru-guru juga telah menyenaraikan menulis huruf terbalik sebagai masalah yang dihadapi dalam pengajaran.

Murid lambat menulis dan perlu dibimbing juga merupakan masalah yang disenaraikan oleh sembilan orang guru prasekolah (13.8%). Hasil temubual dan pemerhatian mendapati, masalah murid lambat menulis dan perlu dibimbing bukan sahaja dihadapi oleh murid yang baru menguasai kemahiran mekanis tetapi juga oleh murid yang telah menguasai kemahiran mekanis. Masalah murid-murid kurang tumpuan semasa pengajaran penulisan juga dihadapi oleh seramai 12 orang guru prasekolah atau 18.4%. Ini kerana menulis melibatkan beberapa komponen kognitif sebelum beroperasi di peringkat perluahan perlambangan mental (Berk, 2006; Olive, Favart, Beauvais, & Beauvais, 2009).

Seramai empat orang guru telah menyenaraikan kebolehan murid yang berbeza dalam kesedaran awal literasi atau belum bersedia sebagai masalah dalam pengajaran penulisan. Setiap murid-murid prasekolah mempunyai kebolehan yang berbeza. Perbezaan kebolehan ini adalah dipengaruhi oleh perkembangan kematangan terutama dalam perkembangan bahasa (Berk, 2006). Kesedaran literasi adalah berkaitan dengan faktor perkembangan bahasa dan perbezaan individu itu sendiri. Guru-guru juga telah menyenaraikan masalah murid tiada keyakinan untuk menulis. Namun, berbeza dengan dapatan pemerhatian. Dapatan pemerhatian mendapati, murid-murid prasekolah yang baru menguasai membaca suku kata terbuka lebih berkeyakinan dalam membina dan menulis perkataan tanpa memikirkan kesalahan ejaan berbanding dengan murid-murid yang telah lancar membaca. Ini kerana murid-murid yang telah menguasai kemahiran membaca terlalu takut dengan kesalahan ejaan sehingga memerlukan pengesahan guru setiap kali menulis perkataan. Kajian mendapati sekiranya keyakinan ini tidak dibentuk daripada peringkat prasekolah maka mereka akan menghadapi kesukaran dalam meluahkan idea semasa menulis. Membina keyakinan daripada peringkat awal dapat mengurangkan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan. (Siti Iwana Sharizah ; Rohaty & Zamri, 2013)

## CADANGAN

Dapatan kajian membuktikan bahwa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya murid tidak cepat berasa jemu dan mudah hilang tumpuan. Menurut Juriah, Raminah & Sofiah (1994) dan Mahzan (2012), minat murid-murid untuk menulis merupakan salah satu faktor yang mendorong penguasaan kemahiran menulis. Menulis juga memerlukan beberapa peringkat persediaan awal sebelum menulis sama seperti di peringkat persediaan awal kemahiran membaca. Peringkat persediaan awal mendorong murid-murid untuk menulis. Sesi pengajaran dan pembelajaran perlulah berkaitan dengan kehidupan serta pengalaman murid supaya dapat menarik minat murid untuk terus belajar menulis. Latihan atau aktiviti menulis perlu bersifat autentik agar dapat meninggalkan kesan positif kepada murid.

Abdul Rasid (2011) berpendapat, penagajaran Bahasa Malaysia seharusnya disampaikan dalam pendekatan yang lebih menarik dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran yang menarik dan mampu memperkembangkan lagi keupayaan kemahiran menulis dan membaca murid. Che Zanariah & Fadzillah (2011) menyarankan pengajaran penulisan yang sistematik dan berkesan kepada murid-murid. Penyelidik mencadangkan agar guru-guru diberikan latihan dalam pengajaran penulisan melalui bengkel amalan pengajaran terbaik. Guru-guru juga perlu diberi pendedahan terhadap keseimbangan kemahiran literasi antara membaca dan menulis semasa mereka berada di institusi perguruan. Penggubal kurikulum juga boleh mengadakan atau membina rubrik penulisan sebagai penanda aras atau *benchmark* kebolehan murid-murid prasekolah menulis dan menjana idea. Penyelidik mencadangkan agar satu kajian lanjutan tentang mengenai kebolehan murid-murid menulis diadakan.

Oleh itu, penyelidik menyarankan pendekatan penulisan interaktif sebagai strategi pengajaran penulisan dijalankan di prasekolah kerana pendekatan ini sesuai dengan amalan perkembangan murid-murid prasekolah. Penulisan interaktif mengajar murid-murid makna menulis dan bagaimana mereka boleh menulis. Pendekatan penulisan interaktif menekankan kepelbagaian jenis aktiviti menulis selain daripada aktiviti menyalin. Pendekatan ini juga selari dengan kurikulum standard prasekolah kebangsaan yang memerlukan guru prasekolah sentiasa berinteraksi dengan murid dan menggalakkan interaksi antara murid, menggalakkan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan sentiasa menggalakkan murid untuk mengemukakan idea mereka dan bersikap terbuka.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan guru prasekolah kerap menggunakan aktiviti menyalin, latih tubi dan soal jawab sebagai aktiviti utama dalam strategi pengajaran penulisan. Hal ini membuktikan guru-guru prasekolah tidak mempunyai pendekatan khas atau strategi dalam pengajaran penulisan. Mereka terlalu terikat dengan keperluan belajar membaca. Ini menyebabkan guru-guru prasekolah lebih menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran membaca. Situasi ini boleh mewujudkan ketidakseimbangan dalam literasi bahasa di peringkat prasekolah. Pihak pentadbir dan kementerian pendidikan perlu memberi peluang kepada guru-guru prasekolah dalam melaksanakan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid-murid tanpa meminggirkan kepentingan penulisan.

Sebagai guru prasekolah yang kreatif, guru seharusnya mampu berinovasi dengan menerima dan mengamalkan kepelbagaiannya kaedah, teknik dan aktiviti dalam amalan pengajaran dan pembelajaran penulisan. Kegagalan guru menerima dan adaptasi perubahan pendidikan dikhawatir akan menjarakkan lagi jurang dalam pendidikan negara. Bagi mencapai matlamat membina pendidikan yang berkualiti, guru perlu menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan perkembangan dan aras kebolehan murid-murid. Guru perlu memastikan murid-murid prasekolah menulis setiap hari kerana peluang menulis akan mewujudkan pengalaman dalam penulisan. Ini kerana, aktiviti menulis membentuk kemahiran dan pengalaman berbahasa kepada murid-murid prasekolah.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid J. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-11.
- Abdul Rasid, J., Shamsudin, O. & Humaizah, H. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 129–140.
- Awang Salleh, A.W, & Zamri, M. (2006). Tahap pengetahuan guru prasekolah tentang Teori Vygotsky dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Akademik 2006 IPTAR* 74-80.

- Azizan, T. (1989). Kepentingan kesediaan bahasa sebagai asas pengajaran bacaan di peringkat awalan. Dlm. Abdul Aziz Abdul Talib, Abdullah Nordin, Ahmad Foa'ad Hashimet al (pnyt.). *Pengajaran dan pengujian bahasa: perspektif untuk keguruan*, 40-49. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Berk, L. E. (2006). *Child development*. Ed. Ke-7. Boston: Pearson Education, Inc.
- Che Zanariah, C.H., & Fadzillah A. R. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(11), 67–87
- Clay, M. M. (1975). *What did i write?* Auckland: Heneimann Educational Books Ltd.
- Clay, M. M. (1991). *Becoming literate: The construction of inner control*. Auckland: Heinemann Education.
- Calkins, L. M. (1986) *The art of teaching writing*. Portsmouth, New Hampshire: Heinemann Educational Book Inc.
- Dyson, A. H. (1981). Oral language: the rooting system for learning to write. *Language Arts* 58(7): 776-784.
- Faridah S.H, Nooreiny M & Raja Mohd Fauzi RM. (2001). Masalah Penulisan Naratif di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27, 3–26.
- Ferreiro, E. & Teberosky, A. (1982). *Literacy before schooling*. New Hampshire: Heinemann Educational Books.
- Galbraith, D., & Rijlaarsdam, G. (1999). Effective strategies for the teaching and learning of writing. *Learning and Instruction*, (9), 93–108.
- Gliem, J. A. & Gliem, R. R. (2003). Calculating, Interpreting, and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient for Likert-Type Scales. *Midwest Research-to-Practice Conference in Adult, Continuing, and Community Education*, hlm. 82-88.
- Jordan, J. J. (2009). Beyond sharing the pen: dialogue in the context of interactive writing. Tesis Ph.D, Faculty of Education, University of Tennessee.

- Juriah, L., Raminah, S., & Sofiah H. (1994). *Perkaedahan pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Howell, M. S. (2008). Interactive Writing in Preschool: A qualitative study of a literacy coach, two preschool teachers and four years old children. Tesis Ph. D, Faculty of Education, Oakland University.
- Kamarul Azman, A. S. (2013). Penggunaan CBAM untuk menilai pengajaran guru dalam inovasi kurikulum prasekolah Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012a). Laporan awal pelan pembangunan pendidikan negara 2013-2025. Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012b). Pelan strategik interim 2011-2020. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia: 81-85.
- Longcamp, M., Zerbato-Poudou, M.-T., & Velay, J. (2005). The influence of writing practice on letter recognition in preschool children: A comparison between handwriting and typing. *Acta Psychologica*, 67–79. doi:10.1016/j.actpsy.2004.10.019
- Mack, F. L. (2012). A Voyage in Emergent Writing: Case Study of Writing Instructional Practices of Two Kindergarten Teachers. Tesis Ph.D, Education, Capella University.
- Mahzan, A. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-Kanak: Teori Dan Amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- McCarrier, A., Pinnell, G. S. & Fountas, I. C. (2000). *Interactive Writing*. Portsmouth: Heinemann.
- Noriati A., Boon, P. Y, & Sharifah Fakhriah, S.A. (2009). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Olness, R. 2005. Using literature to enhance writing instruction In. *Using literatur enhance content area instruction: A guide for K-5 Teacher*, 1-205. Newark, DE: International Reading Association.

- Olive, T., Favart, M., Beauvais, C., & Beauvais, L. (2009). Children's cognitive effort and fluency in writing: Effects of genre and of handwriting automation. *Learning and Instruction*, 19(4), 299–308. doi:10.1016/j.learninstruc.2008.05.005
- Rohaty, M. (2000). Preschool teaching strategies: Towards better learning and the maximisation of the child's potential. *International Conference on Teaching and Learning*, 592-595.
- Schnoor, D. J. (2004). "Sing It, Um Say It, Um Read It Again.": poetry and preschool children's meaning-making responses. Tesis Ph.D, Faculty of Education, University of Virginia.
- Siti Iwana Sharizah A. S, Rohaty, M & Zamri M. (2013). Pengajaran dan pembelajaran penulisan kreatif di prasekolah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama 2013*, 1-23.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1, 1(2), 1–15.
- Slaughter, V. (2010). Theory of mind and peer acceptance in preschool children. *British Journal of Developmental Psychology*, 20(4), 545–564. doi:10.1348/026151002760390945
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Vinter, A., & Chartrel, E. (2010). Effects of different types of learning on handwriting movements in young children. *Learning and Instruction*, 20(6): 476–486. doi:10.1016/j.learninstruc.2009.07.001
- Watanabe, L. M., & Hall-Kenyon, K. M. (2011). Improving young children's writing: The influence of story structure on kindergartners' writing complexity. *Literacy Research and Instruction*, 50(4), 272–293. doi:10.1080/19388071.2010.514035
- Williams, A. L. (2010). Kid writing versus traditional writing instruction: Impact on the literacy development and perceptions of writing of kindergarten students. Tesis Ph.D, Faculty of Education Teacher Leadership, University Walden.
- Zainudin Abu Bakar & Nor Hidayatul Aini Ismail. (2011). Persepsi dan sikap pelajar terhadap pendekatan konstruktivisme serta kesan

terhadap pencapaian dalam mata pelajaran matematik. *proedujournal* <http://eprints.utm.my/11188/1/>

Zamri, M, Nik Mohd Rahimi N.Y, & Juliawati, I. (2009). Perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 67–92.

Zamri, M. (2012). *Inovasi p&p dalam pendidikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris

Zulkifley, H. (2005). *Penilaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.